

Dr M gagal jadi perwakilan

JITRA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tewas dalam cubaannya untuk menjadi perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu ke 'Perhimpunan Agung parti November ini, pada mesyuarat agung Umno bahagian itu semalam.

Beliau yang juga bekas Presiden Umno, mendapat 227 undi, menduduki tempat kesembilan daripada 16 calon untuk merebut, tujuh tempat bagi membolehkan mereka mewakili bahagian itu ke perhimpunan agung.

Bagaimanapun, anak beliau, Datuk Mukhriz Mahathir, 42, yang juga Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian itu yang turut bertanding mendapat tempat kelima dengan 289 undi.

Keputusan pemilihan itu diumumkan wakil Badan Perhubungan Umno Kedah yang juga Ketua Umno Bahagian Alor Star, Datuk Ahmad Bashah Md Hanapiah kira-kira jam 5

petang semalam.

Ketika pengumuman dibuat, lebih 1,000 orang, terutama pemerhati dari luar bahagian itu, khususnya dari Kuala Lumpur memenuhi Dewan Wawasan, di sini.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali bagaimanapun tidak berada di dewan itu ketika keputusan diumumkan kerana beliau dilihat meninggalkan kawasan itu kira-kira jam 3 petang, difahamkan untuk pulang ke Kuala Lumpur.

Persidangan Umno bahagian Kubang Pasu amat ditunggu-tunggu ramai pemerhati politik kerana mencatat sejarah apabila kali pertama bekas pemimpin nombor satu parti dan negara bertanding untuk menjadi perwakilan.

Dr Mahathir mengetuai bahagian, itu selama 30 tahun, sebelum beliau

menyerahkan jawatan itu kepada penggantinya, Datuk Mohd Johari Baharum, sebaik melepaskan jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri pada penghujung 2003.

Terdahulu, pada sebelah paginya, mesyuarat Umno bahagian itu dirasmikan Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Pada mesyuarat itu seramai 472 perwakilan daripada 138 cawangan mengundi untuk memilih tujuh Wakil ke perhimpunan agung parti.

Sebelum ini, pelbagai pihak dalam Umno memujuk Dr Mahathir yang juga ahli cawangan Jitra supaya membatalkan hasratnya daripada terus bertanding, bagaimanapun bekas Presiden Umno itu yang mendapat 15 pencalonan tetap dengan pendirian-nya.

FAKTA

Calon bertanding di Kubang Pasu

- Ahmad Hamid, 317 undi
- Samsuddin Ahmad, 311 undi
- Mohd Fadzli Abd Halim, 296 undi
- Shuib Din, 292 undi
- Datuk Mukhriz Mahathir, 289 undi
- Zulfitri Yaacob, 286 undi
- Ab Manaf Kechik, 270 undi
- Mohammad Abd Rahim, 239 undi
- Tun Dr Mahathir Mohamad, 227 undi
- Wahid Hussain, 153 undi
- Ahmad Fitri Othman, 126 undi
- Wan Halim Wan Hamid, 121 undi
- Jamil Ismail, 110 undi
- Datuk Zainol Abidin Abd Hamid, 106 undi
- Hasanudin Samsudin, 80 undi